



PP00002307

KAJIAT TEKNOLOGI MARA DIBENARKAN

PERPUSTAKAAN MARA

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

THESIS


KHAS BUAT

NENDA HAJAH MAIMUNAH,
ABAH DAN EMAK SERTA
KELUARGA DAN ORANG YANG
DI SAYANG

Ini adalah disahkan bahawa Kajian Akhir ini
telah dibaca dan disemak oleh :

Encik Abdul Ghani Mohd. Desa - Penyelia
- Penyelaras

Saya berpuas hati dan bersetuju dalam skop dan
nilai Kajian Akhir ini untuk penganugerahan
Diploma Senibina Institut Teknologi MARA.



(Abdul Ghani Mohd. Desa)

Penyelia

()

Penyelaras

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

THESES

Tajuk : PENGANALISAAN SENIBINA, HUBUNGAN DIANTARA
KEHIDUPAN SOSIAL DAN PERKEMBANGAN
PERANCANGAN KAMPUNG NELAYAN DI
PERSEKITARAN BAGAN DATOH.

Kajian Akhir (Final Studies) ini dihantar kepada
Jabatan Senibina Institut Teknologi MARA sebagai
sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan
Diploma Senibina.

Disediakan oleh :

HAMIDAH BINTI ARIFFIN

K.P. ITM : 82197415

Diploma Senibina Tahun Akhir

Institut Teknologi MARA

Shah Alam, Selangor.

1985 / 86

ISI KANDUNGAN

Tajuk Kajian

Isi Kandungan

Senarai Gambar-gambar

Prakata

Penghargaan

| | | |
|------|--------------------------------------|----|
| 1.00 | <u>Pendahuluan</u> | 1 |
| 1.01 | Objektif Utama Kajian | 3 |
| 1.02 | Sebab-sebab Pemilihan Tajuk | 5 |
| 1.03 | Anggapan Dasar Dan Hipotesis | 7 |
| | Kerja | |
| 1.04 | Rumusan Bidang Kajian | 8 |
| 1.05 | Kaedah Kajian | 10 |
| 2.00 | <u>Lokasi Dan Tapak Kajian</u> | 13 |
| 2.01 | Pengenalan | 13 |
| 2.02 | Sejarah Bagan Datoh | 15 |
| 2.03 | Penerokaan Tanah Sekitar Bagan Datoh | 21 |

| | | |
|------|---|----|
| 3.00 | <u>Perancangan, Sosial Dan Komuniti</u> | 28 |
| 3.01 | Aspek Penduduk | 28 |
| 3.02 | Kemudahan Asas | 32 |
| 3.03 | Kemudahan Awam | 39 |
| 4.00 | <u>Senibina</u> | 43 |
| 4.01 | Pengenalan | 43 |
| 4.02 | Perkembangan Rumah-rumah | 44 |
| | Nelayan | |
| 4.03 | Elemen-elemen Rekabentuk | 46 |
| 4.04 | Pembahagian Ruang | 57 |
| 4.05 | Perancangan Dan Tatatur | 70 |
| 4.06 | Pembinaan Rumah | 72 |
| 5.00 | <u>Adat, Kebudayaan Dan Ugama</u> | 81 |
| 5.01 | Adat Mendirikan Rumah | 82 |
| 5.02 | Adat Pindah Ke rumah Baru | 85 |
| 5.03 | Permainan Tradisi | 87 |
| 5.04 | Perkahwinan Dan Kematian | 92 |
| 6.00 | <u>Masalah-masalah Yang Dihadapi</u> | 93 |
| 6.01 | Rumah Kediaman | 93 |
| 6.02 | Kebersihan | 95 |
| 6.03 | Kemudahan-kemudahan Asas | 96 |
| 6.04 | Alat-alat Kelengkapan | 98 |

| | | |
|------|-----------------------------|-----|
| 7.00 | <u>Politik</u> | 99 |
| 7.01 | Usaha-usaha Kerajaan | 99 |
| 8.00 | <u>Rumusan Dan Cadangan</u> | 103 |
| 9.00 | <u>Kesimpulan</u> | 106 |
| | Bibliografi | 110 |
| | Sumber Rujukan Yang Lain | 112 |
| | Butir-butir Wawancara | 113 |

SENARAI GAMBAR-GAMBAR

| <u>GAMBAR</u> | | <u>HALAMAN</u> |
|---------------|---|----------------|
| 1 | Pengkalan Pasang Api pada masa sekarang. | 17 |
| 2 | Pengkalan Pasang Api, pengkalan terawal di Bagan Datoh. | 18 |
| 3 | Deretan kedai-kedai di Bagan Datoh pada masa sekarang. | 20 |
| 4 | Keadaan jeti (pengkalan maut) pada masa sekarang. | 34 |
| 5 | Rekabentuk gerai yang terdapat berhampiran dengan jeti | 37 |
| 6 | Keadaan jeti yang jauh ketengah sungai. | 38 |
| 7 | Balai Penghulu | 39 |
| 8 | Salah sebuah rumah yang terdapat | 40 |
| 9 | Pemandangan perkampungan nelayan | 47 |
| 10 | Gambar salah sebuah titian yang digunakan sebagai alat perhubungan dari jalan utama ke rumah. | 48 |

GAMBARHALAMAN

| | | |
|----|--|----|
| 11 | Gambar titian digunakan sebagai alat perhubungan antara rumah-rumah. | 49 |
| 12 | Titian digunakan sebagai kawasan kawasan permainan kanak-kanak. | 50 |
| 13 | Pemandangan perkampungan nelayan | 51 |
| 14 | Salah sebuah rumah yang menggunakan tiang konkrit. | 52 |
| 15 | Pelantar digunakan untuk menjemur hasil tangkapan laut. | 54 |
| 16 | Keadaan pelantar pada bahagian belakang rumah. | 55 |
| 17 | Keadaan salah sebuah bangsal yang terdapat. | 58 |
| 18 | Lambor sejenis kehidupan laut yang menyerupai sotong. | 59 |
| 19 | Tongkang-tongkang sedang memunggah hasil tangkapan. | 60 |
| 20 | Seorang nelayan sedang menggunakan 'crane' untuk mengangkat lambor. | 61 |
| 21 | Keadaan kolong dimana lambor dialirkan. | 62 |

GAMBARHALAMAN

| | | |
|----|--|----|
| 22 | Kerja-kerja membuang kaki lambor. | 63 |
| 23 | Salah sebuah petak untuk memeram lambor. | 64 |
| 24 | Keadaan proses menjemur ikan. | 65 |
| 25 | Peti ais untuk menyimpan hasil tangkapan sebelum di ekspot. | 66 |
| 26 | Sebahagian dari alat-alat kelengkapan yang digunakan. | 67 |
| 27 | Keadaan didalam bangsal. | 68 |
| 28 | Keadaan diluar bangsal. | 68 |
| 29 | Keadaan perkampungan setinggan | 71 |
| 33 | Salah sebuah rumah yang menggunakan campuran bahan-bahan binaan tradisional dan moden. | 74 |
| 34 | Salah sebuah tiang rumah. | 75 |
| 35 | Penyambungan tiang dan alang serta kasau pada bumbung. | 76 |
| 36 | Keadaan salah sebuah bangsal yang menggunakan campuran bahan-bahan binaan. | 77 |
| 30 | Salah sebuah rumah nelayan yang masih didiami. | 94 |
| 31 | Kunci air yang baru, di Pasang Api101 | |

PRAKATA

Terlebih dahulu bersyukur saya kepada Allah s.w.t. yang telah memberikan saya taufik dan hidayah serta khudrat untuk menyediakan dan menyiapkan tesis atau pengkajian akhir ini.

Kearah menceburkan diri dalam bidang yang dianggap professional, seseorang itu mesti mempunyai daya fikir yang kuat dan bernas. Untuk mencapai matlamat ini, kami sebagai penuntut Senibina, dilatih mengkajiselidik sesuatu permasalahan atau teori untuk membuktikan sesuatu hipotesis, atau teori yang dibuat oleh seseorang penuntut. Seterusnya membuat kesimpulan samada hipotesis atau teori tersebut benar atau tidak. Beberapa cadangan akan diusulkan sebagai kesimpulan terakhir.

Pengkajian ini merangkumi kajian sejarah, senibina atau rekabentuk rumah nelayan khasnya, termasuk perancangan perkampungan nelayan, kebudayaan dan

ugama, serta kawasan sekitar. Perbandingan dibuat untuk mengesan masalah dan menyelesaikan masalah yang berkaitan.

Akhir sekali sesuatu kesimpulan dan cadangan dibuat pada penutup pengkajian, untuk dimajukan kepada pihak-pihak tertentu, serta untuk pengetahuan generasi-generasi akan datang.

PENULIS

PENGHARGAAN

Dengan rahmat Mu yang maha pemurah lagi mengasihani,
akhirnya dapat juga saya menyediakan pengkajian
akhir ini dalam masa yang begitu terhad.

Bantuan daripada beberapa orang perseorangan
yang telah bermurah hati membantu memberi maklumat-
maklumat dan data-data penting bagi tesis ini,
telah membantu saya melaksanakan tesis ini dalam
masa yang telah ditetapkan.

Disini ingin saya mengambil kesempatan untuk
mencurahkan rasa penghargaan saya terutama pada
semua orang perseorangan dari persekitaran
kawasan Bagan Datoh. Penghargaan khasnya kepada
Tok Ahmad bin Kulup Berkat, Nenda Hajjah Maimunah
Bonda Umi Kalsom binti Ariffin, En. Zamri bin
Panjang Arif, penghulu Bagan Datoh dan beberapa
orang penduduk Bagan Datoh yang lain. Ucapan
terima kasih khas buat bapa serta adik-adik saya
yang telah bekerjasama membantu mencari maklumat-
maklumat untuk saya.

Seterusnya penghargaan saya kepada pensyarah-pensyarah yang banyak membantu saya memberi tunjuk ajar dan bimbingan, terutama sekali kepada En. Abd. Ghani Mohd Desa selaku penyelia tesis ini, dan juga En. Mustapha Salleh selaku penyelaras Studio 4. Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah yang terlibat bukan saja dalam kerja-kerja tesis ini tetapi juga pembelajaran saya selama di I.T.M.

Penghargaan saya juga kepada nelayan-nelayan dan orang ramai yang telah sama-sama bekerjasama dalam kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada Zeg yang banyak membantu saya, sepupu saya Cik Rohaniah, serta rakan-rakan seperjuangan saya yang sama-sama membantu antara satu sama lain, samada untuk menghasilkan tesis ini atau pun dalam perkara-perkara lain.

Akhir sekali khas buat kedua ibubapa serta keluarga tersayang yang banyak memberi dorongan kepada saya dalam segala usaha saya, serta berkat doa dan bantuan mereka saya berjaya menyelesaikan tesis ini.

Semoga Allah memberkati segala usaha-usaha saya
dan membala jasa-jasa kalian semua.

PENULIS

PENDAHULUAN

Pengenalan tajuk tesis ini didahului dengan secara am sejarah tempat, serta latar belakang, tempat kajian.

Dalam masyarakat Melayu traditional, sungai merupakan alat perhubungan yang penting dan utama. Catatan sejarah terawal menunjukkan taburan penduduk di Tanah Melayu adalah berpusat di beberapa pinggir dan kuala sungai terpenting.

Kemasukan pengaruh Inggeris telah banyak membuat perubahan. Namun begitu, masih kedapatan segelintir masyarakat di Semenanjung Malaysia yang tinggal di pinggir-pinggir sungai.

Dalam tesis yang bakal dihasilkan, penulis akan mencerikam perihal senibina rumah nelayan, konsep keujudan, pengaruh-pengaruh serta kesan kepada alam sekitar. Penulis juga membuat kajian perbezaannya dengan perkampungan lain secara umum.

Permasalahan-permasalahan perkampungan nelayan perlu dikaji, disamping mengkaji senibinanya. Ini adalah untuk mengatasi pertambahan penduduk dan perubahan.

Pengkajian keseluruhannya meliputi tatasusun perancangan perkampungan tersebut, kehidupan bermasyarakat dan senibina yang akan merupakan kes kajian, ciri-ciri berkaitan serta faktor-faktor penting juga akan dikajiselidik.

OBJEKTIF UTAMA KAJIAN

1. Melatih pelajar-pelajar membuat kajian dengan sendiri serta memberi cadangan masing-masing dan merekodkan sejarah-sejarah silam untuk rujukan jenerasi akan datang.
2. Banyak kualiti yang terdapat pada perancangan perkampungan di Malaysia kian dilupakan terutama sekali perkampungan nelayan. Maka perlulah ada usaha untuk merekodkan ciri-ciri identiti yang terdapat didalamnya.
3. Mempelajari tentang perkampungan tradisional di Malaysia membawa kita memahami kenapa ujudnya nilai komuniti yang tinggi dalam perkampungan tradisional khususnya perkampungan nelayan.
4. Setiap senibina mempunyai keunikan tersendiri maka keunikan senibina serta perancangan perkampungan nelayan ini perlu dikaji, kerana perkampungan ini kian pupus, akibat dari perpindahan kaum belia ke bandar-bandar mencari pekerjaan.

5. Mengkaji bagaimana untuk mengekalkan perkampungan ini dengan memperbaiki apa yang perlu untuk menyesuaikannya dengan keadaan masa tanpa menjaskannya identitinya.
6. Setiap perkampungan seperti rumah-rumah haram atau setinggan, mempunyai masalah-masalah sendiri, begitu juga dengan perkampungan nelayan. Diharap dengan kajian ini dapat membantu pihak-pihak tertentu menyelesaikan masalah tersebut, seperti usaha kerajaan menyelesaikan masalah setinggan.
7. Mengkaji sejauhmanakah perubahan masa teknologi dan penerimaan masyarakat mengubah corak hidup serta perancangan perkampungan nelayan.
8. Dengan kajian ini diharap dapat diberi perhatian kepada kaum-kaum nelayan dari segi kesulitan tempat kediaman atau pun kelengkapan kemudahan untuk mencari pendapatan mereka.

SEBAB-SEBAB PEMILIHAN

TAJUK

1. Pemilihan tajuk di persekitaran Bagan Datoh adalah lebih memudahkan pengarang membuat kajian. Disamping itu Bagan Datoh mempunyai sejarah yang tersendiri.
2. Sebagai salah seorang anak watan daerah ini, maka menjadi tanggungjawab penulis untuk mengkaji serta merekodkan sejarah daerah sendiri untuk jenerasi-jenerasi akan datang.
3. Kampung nelayan dijadikan tempat kajian kerana perkampungan nelayan mempunyai ciri-ciri identiti Malaysia yang boleh dijadikan contoh salah satu identiti Malaysia dalam senibina.
4. Rumah-rumah perkampungan nelayan ini mempunyai keunikan senibinanya tersendiri dan timbul rasa keinginan pengarang ingin tahu dengan lebih mendalam ciri-ciri senibinanya.

5. Pemilihan tajuk juga adalah berdasarkan atas rasa simpati pengarang terhadap nasib kaum-kaum nelayan ini. Diharap dengan kajian ini dapat menyedarkan generasi-generasi muda.
6. Oleh kerana pengarang merupakan seorang pereka bentu, maka kajiannya lebih tertumpu pada senibina, bahan-bahan binaan, perancangan serta juga cara hidup mereka.
7. Kehidupan bermasyarakat diperkampungan nelayan mempunyai ciri-cirinya tersendiri yang boleh dijadikan contoh hidup bermasyarakat yang baik samada untuk masyarakat dibandar ataupun dikampung.
8. Tujuan utama kajian ialah untuk menyedarkan masyarakat kita agar menghargai warisan tradisional kita, cara kita hidup, membina komuniti serta membina perkampungan.

ANGGAPAN DASAR DAN HIPOTESIS KERJA

1. Kehidupan bermasyarakat di perkampungan nelayan dapat dijadikan contoh untuk perkampungan-perkampungan yang lain.
2. Keunikan senibina perancangan perkampungan tersebut serta sejarahnya dapat direkodkan serta diperkenalkan untuk jenerasi akan datang dan digunakan dalam rekabentuk senibina kita, bergantung kepada penyesuaianya.
3. Berusaha memajukan kehidupan mereka serta membantu pihak-pihak tertentu menyelesaikan masalah-masalah mereka, seperti kerajaan menyelesaikan masalah setinggan.
4. Perkampungan nelayan dapat dimodenkan jika lau ada usaha-usaha memperbaiki tempat kediaman mereka sedia ada dan ini dapat mengurangkan perpindahan penduduk.